

Tasawwur
Islam
Peperiksaan
Percubaan SPM
Kertas 2
Oktober 2011
2 ½ jam



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK DARUL
RIDZUAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2011

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan daripada mana-mana soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Berikan pengertian wahyu menurut syarak. [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** ciri wahyu sebagai bukti datangnya dari Allah. [4 markah]
 (b) (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara hadis sahih dengan hadis dhaif. [4 markah]
 (ii) Kemukakan **dua** cadangan supaya hadis sentiasa dihayati oleh umat Islam. [4 markah]
 (c) (i) Apakah maksud alam musyahadah? [2 markah]
 (ii) Huraikan **dua** hikmah Allah SWT mewujudkan alam ghaib. [4 markah]
- 2 (a) (i) Berikan erti alamiyyah. [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** prinsip alamiyyah yang anda ketahui. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** bukti yang menunjukkan Islam bersifat alamiyyah dalam bidang perundangan. [4 markah]
- (b) Thabat bermaksud tetap dan teguh serta tidak berubah dan tidak boleh dipinda atau diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya.
 (i) Huraikan **tiga** contoh ajaran Islam bersifat thabat. [6 markah]
 (ii) Tuliskan **dua** perkaitan antara thabat dengan murunah. [4 markah]
3. (a) (i) Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman dalam Islam. [4 markah]
 (ii) Senaraikan **empat** sumber utama dalam perundangan Islam [4 markah]

Sistem sosial Islam ialah satu penggabungan manusia melalui ikatan undang-undang rabbani untuk mencapai tujuan kehidupan kemasyarakatan yang harmoni dan aman sejahtera.

- (b) (i) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan **dua** ciri sistem sosial Islam. [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab anda terhadap keluarga. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** program yang sesuai dilaksanakan dalam masyarakat untuk mencegah perbuatan mungkar di kalangan pelajar. [4 markah]

- 4 (a) Bekerja dalam Islam adalah untuk melahirkan umat yang boleh mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- (i) Beri erti pekerjaan dalam Islam berserta **dua** contoh. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** matlamat bekerja menurut perspektif Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** syarat sesuatu pekerjaan itu dikira ibadat. [4 markah]
- (b) Muamalah ialah tatacara berhubung sesama manusia berkaitan dengan harta untuk memenuhi keperluan kehidupan mengikut ajaran Islam.
- (i) Huraikan **dua** keistimewaan muamalah Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** etika muamalah Islam. [4 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan maksud ijtihad berserta contoh [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** sebab manusia perlu kepada Ijtihad. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** perkara yang merosakkan ibadat. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan melaksanakan ibadat tanpa syariat. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** ciri keunggulan perundangan Islam. [4 markah]
- 6 (a) (i) Apakah maksud jati diri ummah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara untuk meningkatkan jati diri di kalangan para pelajar. [4 markah]
- Tujuan diturunkan agama Islam di muka bumi ini adalah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia.
- (b) (i) Terangkan **dua** ciri penyelesaian masalah secara Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kelebihan penyelesaian masalah secara Islam. [4 markah]
- (c) Golongan remaja masa kini gemar buang masa (leka) dan asyik dengan hiburan.
Kemukakan **tiga** pandangan anda kenapa perkara ini terus berlaku? [6 markah]

- 7 (a) (i) Apakah maksud hukum haram? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara anda mengelak melakukan perkara haram. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** punca berlakunya keruntuhan institusi perkahwinan. [4 markah]
- (c)

Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah untuk memberi kemudahan kepada umatnya.

- (i) Nyatakan **dua** jenis muamalah tersebut dan maksudnya. [4 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kesan Islam mempelbagaikan jenis muamalah kepada umatnya. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT